

Warta Warisan

ورتا واریشن



Majlis Perbandaran Klang

Bil. 11/2022

Jilid 2

November 2022

Naskah Percuma



Mesyuarat Penubuhan Muzium Tekstil Negeri Selangor

Shah Alam, 21 November 2022 – Satu mesyuarat tentang penubuhan Muzium Tekstil Negeri Selangor telah diadakan di Muzium Sultan Alam Shah bagi mendapatkan pandangan dan ulasan daripada Jabatan Warisan Negara (JWN), Jabatan Kerja Raya (JKR), Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan Majlis Perbandaran Klang (MPK).

Penubuhan Muzium Tekstil pada asalnya telah mendapat perkenan Sultan Selangor dan dicadangkan akan dibangunkan di bangunan Anggerik Mall bersebelahan kompleks SACC di Shah Alam.

Namun disebabkan kos pengubahsuaian terlalu tinggi maka bangunan lama Pejabat Agama Islam Daerah Klang telah dicadangkan bagi penubuhan muzium tekstil tersebut.

(bersambung ke halaman 4)



Pelancaran Projek Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang

Klang, 6 November 2022 – Yang Dipertua MPK, TPr. Hajah Noraini Roslan pagi ini telah melancarkan projek Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang secara rasmi.

Menurut beliau, program jejak warisan adalah salah satu pemacu positif untuk pembangunan pelancongan di Klang. Di samping itu ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran, menghargai dan mendidik warga Klang, pengunjung dan pelancong tentang sejarah dan khasnya warisan Diraja Selangor.

“Namun pada masa yang sama kita juga harus berusaha untuk mengekalkan dan memelihara nilai, warisan, budaya dan sejarah kita,” katanya lagi.



Kandungan

Berita

Pengisytiharan Gombak – Hulu Langat GeoPark	3
Mesyuarat Penubuhan Muzium Tekstil Selangor	4
Nasi Ambeng Makanan Warisan Negeri Selangor	4
Taklimat Warisan Jabatan Audit Negara	5
Cadangan Pewujudan Tempat ISI UTM	6
Perbincangan Logo Bandaraya Diraja Klang	7
Rakaman Dokumentari FINAS	8
Nostalgia Aroma Kopi Klang	10
Jejak Warisan Remaja Klang	11
Program Astindo Familiarization Trip	12
Malam Mesra Media MPK 2022	13
Taklimat Warisan UiTM	13
Jejak Warisan Klang Tarik Pengunjung	14
Takziah	14

Laman Jawi

Surat Syahbandar Mahbub Selangor kepada Francis Light	15
---	----

Kenali Warisan

Warisan Alam Semula Jadi	16
--------------------------	----

Sidang Redaksi

Penaung

YBrs. TPr. Hajah Noraini binti Roslan S.I.S, P.P.T.



Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Nor Haslinah binti Mohamed Jaafar

Kurator / Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

Penolong Kurator / Pengarang / Pembantu Tadbir

Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Pelatih Penyelidik dan Penulis Sejarah

Muhammad Ikhwan bin Wahidon

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Pelbagai pengisytiharan dan pelancaran berkait dengan warisan di negeri Selangor telah diadakan sepanjang bulan ini.

Projek Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang telah dilancarkan secara rasmi oleh YDP MPK pada awal bulan ini, menandakan projek ini telah memasuki fasa baru pelaksanaannya.

Kawasan Gombak-Hulu Langat telah diisyiharkan sebagai Geopark Kebangsaan yang ketujuh manakala Nasi Ambeng pula telah diangkat secara rasmi sebagai makanan warisan negeri Selangor dalam satu majlis di Sepang.

Bulan ini juga menyaksikan Klang bakal mempunyai muzium baru yang berteraskan tekstil negeri Selangor. Jika segalanya berjalan lancar, muzium ini bakal dibangunkan di rumah agam milik Dato' Bentara Kiri Amar Diraja Selangor atau lebih dikenali sebagai bangunan lama Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Klang yang terletak bersebelahan Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz.

Dalam usaha mempromosi warisan dan sejarah dalam bentuk dokumentari, MPK meneruskan kerjasamanya, kali ini dengan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dalam rancangan Ada Angin Ada Pokoknya, yang memaparkan tentang asal usul nama sesuatu tempat.

Bagi memenuhi keperluan jabatan kerajaan dan institusi pengajian tinggi, dua taklimat tentang warisan dan sejarah di Klang telah diberikan kepada Jabatan Audit Negara Negeri Selangor dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

*Faisal bin Dato' Haji Surani
Kurator*

**Tinta Pena
Kurator**


Warta Warisan MPK diterbitkan oleh

Pusat Sumber MPK,
Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana,
Lot 175 Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang,
Selangor Darul Ehsan.

Warta Warisan MPK Online
 <https://www.mpklang.gov.my/ms/warta-warisan>

Kurator: +603 33758080
Pusat Sumber: +603 33758006
Faks: +603 33731978

Warisan Alam Semula Jadi: Pengisytiharan Gombak – Hulu Langat GeoPark



Kuala Lumpur, 14 November 2022 – Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan Bil. 2 Tahun 2022 yang diadakan pada hari ini bersetuju mengiktiraf Gombak-Hulu Langat Geopark sebagai Geopark Kebangsaan yang ketujuh di bawah Program Pembangunan Geopark oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

Pengiktirafan ini merupakan satu lagi pencapaian yang penting khususnya kepada Kerajaan Negeri Selangor dan pihak berkuasa tempatan dalam usaha memelihara kelestarian alam semula jadi dan pengurusan mampan kawasan Geopark Kebangsaan yang memiliki nilai kepentingan luar biasa (*geosite of extraordinary values*) seiring dengan Agenda Pembangunan Nasional dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Geopark bukan sahaja mampu memberikan impak yang positif kepada industri pelancongan Selangor malah ia turut menjadi salah satu sumber ekonomi di negeri ini.




Gombak-Hulu Langat Geopark dengan keluasan 1,129.55 kilometer persegi meliputi seluruh Daerah Gombak (4 mukim) dan Daerah Hulu Langat (2 mukim) dengan bilangan penduduk melebih 1.5 juta orang. Geopark ini kaya dengan kepelbagaian geologi (31 geotapak), kepelbagaian biologi (6 biotapak) dan keunikan budaya tempatan (11 tapak budaya). Daripada 31 geotapak, terdapat 5 geotapak yang mempunyai nilai kepentingan bertaraf antarabangsa, 20 geotapak mempunyai nilai kepentingan bertaraf kebangsaan dan 6 geotapak mempunyai nilai kepentingan bertaraf tempatan.



**GOMBAK - HULU LANGAT
GEOPARK**

Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Nadia Widyawati Madzhi, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) yang menggantikan YB Borhan Aman Shah, Pengurus Jawatankuasa Tetap Pembangunan Luar Bandar & Kampung Tradisi, Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan dan Warisan.

Cadangan penubuhan muzium tekstil telah dibentangkan oleh Kurator PADAT, Intan Salina Idrus mengenai sejarah dan cadangan naik taraf bangunan lama PAID Klang yang pada asalnya adalah rumah agam milik Dato' Bentara Kiri Amar Diraja Selangor.



Mesyuarat turut dihadiri oleh Prof. Madya Dr. Mohd Azhar Samin, Ahli Lembaga Pengarah PADAT, Dr. Nadia Widyawati Binti Madzhi, Ketua Pegawai Eksekutif PADAT, Intan Salina Binti Idrus, Kurator PADAT, Dr. Eyo Leng Yan, Pengarah Bahagian Warisan Tidak Ketara JWN, Ahmad Zaki Bin Yusof, Timbalan Pengarah Seksyen Agihan Dan Pembangunan UPEN, Siti Safura Binti Jamaludin, Juru Ukur Bangunan JKR dan Faisal Surani, Kurator MPK.


Nasi Ambeng Makanan Warisan Negeri Selangor


Laporan Nur Iffah Dayana bt Ezafel Ezudin Ridza

Sepang, 26 November 2022 – Majlis Pengisytiharan Nasi Ambeng sebagai Makanan Warisan Negeri Selangor Sempena Fiesta Nasi Ambeng Tradisional Selangor telah diadakan di Avani Sepang Goldcoast Resort.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Tuan Borhan Aman Shah, Exco Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan Negeri Selangor bersama Datin Seri Masdiana Muhamad, Yang Dipertua Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor.

Pengarah Komunikasi Korporat, Norfiza Mahfiz dan Pengarah Kemasyarakatan, Normah Zainul Abideen turut hadir mewakili Majlis Perbandaran Klang ke majlis pengisytiharan berkenaan. Demonstrasi hidangan dan pembungkusan Nasi Ambeng Selangor turut disajikan kepada tetamu jemputan yang hadir pada malam tersebut.





Laporan dan Foto: Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin

TAKLIMAT PEMBANGUNAN PEMULIHARAAN KEBUDAYAAN DAN WARISAN

Klang, 7 November 2022 – Satu taklimat mengenai Pembangunan Pemuliharaan Kebudayaan dan Warisan daerah Klang dan negeri Selangor kepada Jabatan Audit Negara Negeri Selangor (JANNS) telah diadakan bertempat di Pusat Sumber Majlis Perbandaran Klang pagi ini.

Taklimat telah diberikan oleh Kurator MPK, Faisal Surani dan hadir dalam taklimat tersebut adalah Ketua Seksyen Audit, Norshahida Zolkiaply dan Penolong Juruaudit, Kamarolzaman Harun, Arifah Md. Taib dan Zalinda Mustapha.

Menerusi Rancangan Audit Tahun 2023, Jabatan Audit Negara Negeri Selangor dalam usaha mengumpulkan maklumat bagi tujuan pemuliharaan aspek budaya dan warisan.

JANNS telah memohon bantuan Kurator MPK, Faisal Surani bagi mendapatkan maklumat serta mengadakan perbincangan mengenai perkembangan serta pemuliharaan kebudayaan dan warisan di negeri Selangor.

Pada sesi taklimat tersebut, Kurator MPK telah memberi penerangan tentang sejarah ringkas negeri Selangor dan daerah Klang, peruntukan perundangan berkaitan warisan di negeri Selangor, hak milik, pengurusan dan penyelenggaraan serta usaha-usaha pemuliharaan tapak warisan di Klang.

Sesi soal jawab di antara pihak JANNS dan Kurator turut diadakan bagi menjawab beberapa persoalan yang dikemukakan berhubung usaha pembangunan dan pemuliharaan warisan di Selangor dan Klang.





Cadangan Pewujudan Tempat ISI UTM

*Stewarding Excellence in
Innovative Sustainable Built
Environment*

Laporan & Foto:
Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 2 November 2022 – Satu taklimat telah diadakan di antara Majlis Perbandaran Klang dan Institut Sultan Iskandar (ISI) bagi membincangkan tentang Pembentukan Konsep dan Pelaksanaan Pewujudan Tempat (*Placemaking*) di Bandaraya Diraja Klang.

Sebagai sebuah institut yang tidak berorientasikan keuntungan, ISI memfokuskan kepada aktiviti penyelidikan dan perundingan berkaitan alam bina dan pembangunan mampan.

Satu cadangan rintis berhubung projek Rejuvenasi BP580 telah dirangka sebagai usaha ke arah transformasi komuniti berpendapatan rendah untuk membina ruang kejiranan berkualiti menerusi perancangan inklusif yang melibatkan seluruh warga dan komunitinya.

Program ini memberi nafas baru kepada pemerkasaan komuniti (*community empowerment*) yang melahirkan masyarakat baharu yang berdaya kendiri dalam membangunkan rancangan kejiranan mereka.



Cadangan awal projek rintis ini dirangka melibatkan beberapa lokasi iaitu Laman Seni Safari, Kota Raja Mahadi, Hentian Bas Klang Utara dan Hentian Bas Pelabuhan Klang.

Mewakili delegasi dari ISI, UTM ialah Prof. Dr. Syed Ahmad Iskandar, Pengarah Eksekutif ISI, Ar. IDr. Ts. Samsiah Abdullah, Dr. Wan Nurul Mardiah Wan Mohd Rani, Dr. Jamilia Marsin dan Noor Ismah Hashim.

Taklimat tersebut dihadiri oleh Norfiza Mahfiz, Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat, Faisal Surani, Kurator dan Rasiah Ramby dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa dari Majlis Perbandaran Klang.



Perbincangan Logo Bandaraya Diraja Klang



Klang, 14 November 2022 – Perbincangan draf logo bagi Bandaraya Diraja Klang diteruskan pagi ini dengan pertemuan dengan Pegawai Protokol Pejabat DYMM Sultan Selangor, Yang Berbahagia Dato' Ahmad Faisal bin Zakaria.

Pertemuan yang diadakan di lobi Pejabat Istana Alam Shah Klang itu turut dihadiri oleh Kurator MPK, Faisal Surani dan konsultan dari ICOMOS Malaysia, Ts Dr Sharyzee Mohmad Shukri.

Tujuan pertemuan adalah untuk mendapatkan pandangan daripada pihak istana tentang ciri-ciri serta reka bentuk logo Bandaraya Diraja Klang.



Penggambaran Dokumentari



ASAL USUL SESEBUAH TEMPAT

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza
Foto Ikhwan Wahidon

Klang, 28 November 2022 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) merancang untuk menerbitkan dokumentari pendek bersiri yang akan menceritakan bagaimana sesebuah tempat mendapat namanya. Dokumentari ini akan ditayangkan di saluran YouTube FINAS Malaysia dalam segmen Lensa Negaraku.

Penggambaran akan melibatkan temu ramah dengan individu-individu berpengetahuan bagi membicarakan asal usul nama tempat tersebut.

Antara pihak yang terlibat termasuklah ketua kampung, ketua polis, Arkib Negara Malaysia, ahli akademik, masyarakat setempat dan orang awam. Rakaman video berkonsepkan *vlog* akan diterapkan dalam sesi penggambaran bersama pihak-pihak yang terlibat.



Bagi menjayakan projek ini serta memperkasakan penyampaian maklumat kerajaan kepada rakyat melalui penerbitan kandungan kreatif kerajaan, FINAS bekerjasama dengan Kurator MPK, Faisal Surani, dalam penerbitan dokumentari santai yang bertajuk ‘Ada Angin, Ada Pokoknya’ yang merangkumi 6 episod bagi musim pertama 2022-2023.

Penggambaran ini turut melibatkan hos rancangan iaitu Rashid Shikh Abdullah yang bergerak menggunakan motor atau lebih dikenali sebagai *cafe racer* iaitu dengan memaparkan situasi santai, bergaya dan berkeyakinan.

Penggambaran akan melibatkan beberapa lokasi di negeri Selangor iaitu Klang, Petaling Jaya, Damansara, Gombak dan Kuala Lumpur yang melibatkan kawasan Bangsar dan Pantai Dalam.

Penggambaran awal untuk musim pertama dilakukan di *Kampung Delek Fishing Park* yang merangkumi 4 episod dengan menjalankan temu ramah bersama tetamu undangan iaitu Kurator MPK, Faisal Surani, bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang lebih jelas berkaitan nama asal-usul sesebuah tempat di Lembah Klang.

Baki dua episod lagi musim pertama akan menjalani penggambaran pada awal tahun hadapan di tempat yang sama.



Sekitar Penggambaran Dokumentari 'Ada Angin Ada Pokoknya'



NOSTALGIA AROMA KOPI KLANG

IKHWAN WAHIDON

Klang, 7 November 2022 – Aroma biji kopi yang sedang dibakar membangkit rasa nostalgia dan kehangatan dalam jiwa seseorang. Menikmati secawan kopi hangat untuk memulakan hari sudah menjadi satu rutin bagi sebahagian besar rakyat Malaysia. Sejarah tanaman kopi di Malaysia bermula ketika zaman pentadbiran British yang memperkenalkan dua jenis kopi, Arabica dan Liberica pada tahun 1870-an. Semasa Selangor di bawah pentadbiran British, Klang pernah menjadi kawasan tanaman kopi yang penting. Beberapa kawasan menjadi tumpuan penanaman kopi di Klang ialah di sepanjang Jalan Teluk Pulai, Jalan Teluk Gadung dan Jalan Teluk Menegun.



Batu nisan Dato' Dagang Haji Muhamad Tahir

Pada tahun 1894, dilaporkan seorang pelawat dari Eropah mengatakan “*Klang and coffee are now synonymous term. The town itself somewhat belies the teeming agricultural activity which surrounds it on one side for miles*”. Malah di Klang juga terdapat sebuah kilang pemprosesan biji kopi yang dimiliki oleh T. Gibson yang diberi nama Coffee Curing Company. Kilang ini membeli hasil kopi daripada pekebun-pekebun kecil di Klang.



*Secawan kopi untuk memulakan hari,
sudah kopi?*

Haji Muhamad Tahir atau lebih dikenali dengan gelarannya, Dato' Dagang, merupakan orang Melayu berasal dari Batu Bara, Sumatera menjadi perintis penanaman kopi di Klang secara komersial dengan melibatkan orang Jawa yang telah dibawa masuk oleh beliau. Untuk tujuan ini, Dato' Dagang telah meminjam duit kepada pemerintah British sebanyak \$3000 pada tahun 1887. Sehingga tahun 1893, Dato' Dagang memiliki 476 ekar tanaman kopi dan 300 ekar tanaman pinang di Jalan Teluk Menegun. Kaedah tanaman kopi Dato' Dagang menarik perhatian warga Eropah yang merasakan sukar untuk menanam kopi di tanah pamah kerana kelembapan tanah tersebut akan merosakkan akar pokok kopi. Oleh itu, Dato' Dagang mengeringkan tanah pamah dengan membuat sistem perparitan sebelum menanam pokok kopi.



Legasi kilang pemprosesan kopi di Klang

Menerusi inisiatif Jejak Warisan Bandaraya Diraja Klang, sebuah kilang pemprosesan biji kopi di Kampung Jawa yang bernama Chuan Hoe & Company Coffee Powder dikenal pasti menjadi warisan sejarah kopi di Klang. Kilang ini berusia 63 tahun dan diterajui oleh Tan Loon Chuan, waris generasi ketiga.

Legasi Klang | November 2022



Jejak Warisan Remaja Klang

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 6 November 2022 – Bersempena dengan Ulang Tahun MPK ke-132, program Jejak Warisan Remaja Klang 2022 telah diadakan khusus buat para remaja bagi mengenali dan mempromosi warisan dan sejarah Bandar Diraja Klang.

Penyertaan terbuka kepada remaja berumur 16 hingga 25 tahun dan meliputi kawasan bandar Klang Selatan.



Biji kopi yang dibakar dengan arang menaikkan aroma nostalgia kopi Klang. Malah tumpuan dan pemerhatian yang berterusan dalam memastikan arang terus terbakar melahirkan biji kopi yang berkualiti dan lebih wangi. Kilang ini juga menjadi tumpuan pelancong luar negara terutamanya dari Hong Kong.

Program Astindo Familiarization Trip – Splendid Selangor

Laporan Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza



Klang, 3 November 2022 – Majlis Perbandaran Klang diwakili oleh Pegawai Pelancongan MPK, Nalini Velayutham, telah bekerjasama dalam menjayakan program *Splendid Selangor Fam Trip* 2022 anjuran Tourism Selangor Sdn Bhd bersama Persatuan Agensi Pelancongan Indonesia (ASTINDO).

Seramai 50 orang delegasi Astindo telah berkunjung ke lokasi-lokasi menarik di Klang antaranya Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Kelab Pelayaran Diraja Selangor di Pelabuhan Klang dan Pusat Pemborong GM Klang.





Klang, 25 November 2022 – MPK meraikan seramai 20 wakil daripada 22 agensi media sempena Majlis Malam Mesra Media MPK 2022 di GSC Klang Parade.

Yang Dipertua MPK, Noraini Roslan berkata majlis ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan atas sumbangan pihak media dalam membantu mempromosi aktiviti di bandar Klang sepanjang tahun ini. Beliau juga berharap hubungan baik antara MPK dan pengamal media dapat kekal berpanjangan dalam mengisi peranan masing-masing bagi membentuk persekitaran perbandaran yang lebih bermakna.



Artikel ‘Rustic Heritage Charms of Klang’ oleh Wani Muthiah (The Star) mendapat Anugerah Media Warisan Klang, video TikTok Laman Seni Safari Klang oleh Norhayati Umor (Media Selangor) dan liputan Pesta Pantun MPK oleh Zana Zainal Abidin (RTM) mendapat Anugerah Media Kebudayaan Klang dan artikel Uniknya Klang oleh Tan Pei Sze (Sin Chew Daily) menerima Anugerah Klang Di Hati.



Taklimat Tapak Warisan UiTM

Klang, 29 November 2022 – Tiga orang pelajar Perancangan Bandar dan Wilayah Kolej Alam Bina Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam mengunjungi Pejabat Kurator petang ini.

Kunjungan ini adalah sebahagian daripada pelaksanaan kajian akademik penyediaan Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Klang dan bertujuan bagi mendapatkan maklumat tentang tapak-tapak warisan di Klang.

Taklimat dan penerangan ringkas tentang lokasi warisan dan bersejarah di sekitar daerah Klang telah diberikan Kurator MPK, Faisal Surani, kepada para pelajar Semester 08 berkenaan yang terdiri daripada Afiq Khalis Mohd Zaini, Nur Lyyana Hamzah dan Azra Rahmat.



Jejak Warisan Bandar Diraja Klang Tarik Pengunjung



Klang, 26 November 2022 – Seramai 53 pelajar dari Fakulti Sains Maklumat & Kejuruteraan (FISE) Management Science University (MSU) telah mengunjungi Jejak Warisan Klang hari ini sebagai aktiviti luar kampus mereka.

Rombongan yang diketuai oleh Prof. Dr. Mohammad Ali Tofigh telah berkunjung ke beberapa lokasi menarik dan bersejarah di sekitar Klang antaranya Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz, Gedung Sutera Chennai, Kelab Diraja Klang, Pasar Bunga Jalan Lintang dan pusat perniagaan India Jalan Tengku Kelana.

Mereka telah diiringi pemandu pelancong yang diketuai oleh Jane Rai.



Takziah



Klang, 29 November 2022 – Ayahanda Orang Besar Sepang, YDM Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj telah mangkat sekitar jam 3.30 petang tadi di kediamannya di Jalan Mawar, Pelabuhan Kelang.


Almarhum YAM Tengku Mahmud Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Ala'eddin Suleiman Shah, yang diputerakan pada 4 September 1925 adalah putera kepada Che Anjung Negara, Che Puan Maimun binti Abdullah dan merupakan waris lelaki terakhir Sultan Ala'eddin Suleiman Shah ibni Almarhum Raja Muda Musa, Sultan Selangor ke-5.

Jenazah Almarhum akan dikebumikan di Makam Diraja Klang.

Satu-satunya waris Sultan Ala'eddin Suleiman Shah yang tinggal pada hari ini adalah puteri baginda iaitu YAM Tengku Gemala Tengku Shahrul Bariah yang diputerakan pada 1 November 1924, berbondakan Che Puri Negara, Che Puan Bidayah binti Ahmad.

Laman Jawi /

Transliterasi Surat: Surat Syahbandar Mahbub Selangor kepada Francis Light



Nur al-Shams

Bahawa ini surat tulus dan ikhlas serta putih hati tiada berhingga, iaitu daripada Mahbub hamba Allah yang daif lagi miskin, barang disampaikan Tuhan seru segala alam apalah kiranya datang kepada sahabat sahaya Senyur Gurnador yang memerintahkan Pulau Pinang, serta dengan adil saksamanya, serta bertambah-tambah juga martabat yang kebesarannya dan kemuliaannya itu, lagi bertambah-tambah juga izzatnya, lagi duduk di dalam istirehat dan afiat ala al-dawam, amin ya rab al-alamin, wa ba'dahu. Kemudian daripada itu, barang maklum kiranya sahabat sahaya itu, adalah sahaya menyuruhkan Nakhoda Muhammad, orang Bugis itu mendapatkan sahabat sahaya itu, serta ia hendak mencari dagangan serba sedikit itu. Barang suatu halnya dan ahwalnya dalam Pulau Pinang itu, melainkan dengan tolong Senyur Gurnadorlah sahaya harap akan menolong hal ehwalnya itu.

Dan lagi adalah Raja Bayang di Perak, ia berhutang kepada sahaya. Tatkala masa Duli Yang Di-Pertuan berangkat ke Perak itu, dia ambil opium serta kain beli itu, banyak hutangnya lima ratus ringgit. Dalam itu Ahmad al-Qassasi serta Nakhoda (Salim?) disuruh Yang Metuan Selangor menunggu ke Perak itu. Maka Raja Bayang berbayar tiga ratus dua puluh lima ringgit, tinggal lagi hutang Raja Bayang kepada Mahbub itu seratus tujuh puluh lima ringgit.

Maka inilah sahaya wakilkan kepada Nakhoda Muhamad yang membawa surat ini menunggunya, serta cap surat Sultan Muda di Perak pun ada sahaya kirimkan kepada Nakhoda Muhamad itu, akan jadi tapak tangan Raja Bayang itu. Itu pun dengan tolong Tuan Gurnadorlah menerbitkan rial sahaya kepada Raja Bayang itu.

Jikalau sudah terbit dan keluar, Tuan Gurnador pulangkan kepada sahabat sahaya Kapitan Scott itu kerana sahaya pun ada berhutang kepada Kapitan Scott itu.

Hubaya-hubaya, jangan tiada Tuan Gurnador tolol terbitkan rial sahaya kepada Raja Bayang itu, Datuk Penggawa pun tahu dan jurutulis Ahmad al-Qassasi pun tahu fasal ia berhutang kepada sahaya itu. Tatkala sahaya ke Perak baharu ini, ia pun lari mudik, lalu ia lari ke Pulau Pinang itu. Ahwal inilah sahaya nyatakan kelakuan Raja Bayang berbuatkan rial sahaya itu. Sekarang sudah (kelak?) lima tahun lamanya ia berhutang kepada sahaya itu.

Dan lagi hendaklah tolong oleh sahabat sahaya, Nakhoda Muhammad itu opium barang dua peti, sahayaalah mengakunya itu, dia sahaya suruhkan ke[m]bali itu membawa opium. Jika tiada apa aral, lain tahun empat lima buah perahu Bugis boleh sahaya bawa ke Pulau Pinang itu kepada Nakhoda Muhamad itu kerana Nakhoda Muhamad itu satu orang betul. Satu pun tiada, hanyalah kirim tabik banyak-banyak kepada Tuan Gurnador serta Kapitan Scott. Tamat. Pergi surat dua likur bulan Safar kepada hari Ahad. Intaha al-kalam. Dan lagi sahaya memberi ingat kepada sahabat sahaya kepada bulan Rabiul Awal, hendaklah ingat-ingat orang serta orang Siak, Raja Mudanya hendak memukul Pulau Pinang itu. Khabar itu sah serta tentu itu. Maka sahaya ingatkan daripada tulus dan ikhlas hati sahaya itu kepada Tuan Gurnador serta Kapitan Scott itu. Seperti perahu Bugis tahan semuanya ini, dilarang oleh Raja Melaka, tiadalah diberinya lalu ke Pulau Pinang tahun ini, dalam Melaka enam buah perahu Bugis Selangor. Enam buah ditahan Yang Metuan dengan suruh Raja Melaka itu, sebuah Nakhoda Muhamad itu sahaya lepaskan ia, lalu ke Pulau Pinang itu. Inilah sahaya nyatakan.

Tamat.


Kenali Warisan

Warisan Alam Semula Jadi

Bulan ini menyaksikan Gombak–Hulu Langat telah diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan ketujuh di negara kita dan secara tidak langsung telah memartabatkan taman berkenaan sebagai taman warisan semula jadi.

Warisan semula jadi adalah ekosistem yang bukan sahaja menawarkan pemandangan yang indah bahkan ia merupakan habitat bagi sebilangan besar spesies untuk hidup.

Selain itu ia juga dapat memberi sumbangan kepada negara dari aspek pelancongan dan ekonomi, di mana ia dapat menarik perhatian pengunjung dari seluruh dunia untuk datang ke tempat yang terpelihara ini dan seterusnya menjana ekonomi pelancongan semula jadi.



Warisan alam semula jadi termasuk dalam kategori Warisan Ketara (*tangible heritage*), iaitu sesuatu yang kekal dilihat dan dipegang sama ada statik atau mudah alih. Antara contoh warisan semula jadi adalah seperti hutan, gunung, gua, sungai, flora serta fauna dan geologi. Ringkasnya ia adalah sekumpulan aset warisan semula jadi dilindungi yang terletak di wilayah sebuah negara.



Geopark

Menurut UNESCO *Global Geopark* (UGGp), geopark adalah satu sempadan kawasan yang jelas bagi memajukan pemuliharaan dan penggunaan warisan geologi secara lestari serta mempromosikan kesejahteraan ekonomi setempat.

Dari sudut saintifik, taman geopark ini dapat memberi ruang serta peluang kepada penyelidik biodiversiti melakukan kajian.

Sebagai tapak warisan geologi, ia boleh dimanfaatkan oleh semua pihak bagi tujuan pemeliharaan, pendidikan, pelancongan dan pembangunan secara lestari.

Di samping unsur geologi, sesebuah geopark turut mempunyai unsur-unsur ekologi, arkeologi, sejarah dan budaya. Alam semula jadi, budaya dan sejarah sosial tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan masyarakat manusia.

Hubungan di antara kehidupan, kepelbagaian geologi, biologi serta budaya merupakan komponen penting bagi setiap geopark.

Antara komponen geopark adalah mempunyai satu atau lebih warisan geologi serta 15 hingga 25 geotapak bernilai kebangsaan dan mempunyai tapak warisan biotapak serta tapak budaya yang berkaitan dengan warisan geologi.

